



• **ENCIK DZULKARNAIN**
Pesilat Cina diajar tanpa ciri2 kebatinan



• **LOW KIM CHUAN**
Tidak hadapi tentangan ibu bapa



• **ENCIK ONG**
Kami tak buat sesuatu dengan membuta

nan diri itu.

"Kami diajar secara teori. Umpamanya, sebab-sebab sesuatu pergerakan itu dilakukan. Ini membuat silat lebih menarik kerana kami melakukan sesuatu bukan dengan membuta sahaja," ujar Encik Ong.

Inggeris

Penggunaan bahasa Inggeris dalam latihan juga membantu mengatasi masalah pesilat bukan Melayu untuk memahami cara-cara bersilat.

Seperti Chong, Encik Ong juga bersetuju bahawa mereka telah memahami dengan mendalam cara hidup orang-orang Melayu.

Sementara itu, seorang lagi penuntut Maktab Rendah Anderson, Low Kim Chuan, 18 tahun, yang juga menerima tanjak beliau dalam majlis yang sama, berkata beliau tidak menghadapi tentangan daripada ibu bapanya apabila beliau memutuskan untuk menceburi seni itu.

Tujuannya menceburi bidang ini sejak dua tahun yang lalu ialah untuk mempelajari sesuatu yang berlainan dan beliau berpendapat bahawa memahami unsur-unsur warisan budaya Melayu adalah sesuatu yang mencabar.

Ketiga-tiga yang ditemui telah menyuarakan hasrat masing-masing untuk meneruskan persilatan

mereka hingga ke peringkat Keluarga Selayang Pandang yang akan melayakkan mereka untuk menjadi pelatih.

Seramai 18 orang pesilat telah menerima tanjak, termasuk empat yang juga menerima keris daripada Presiden Persatuan Bawean Singapura, Haji Buang Masadin, di Balai Rakyat Kampong Kembangan.